

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/01/2018

**KENYATAAN TUN M GRADUAN JUAL NASI LEMAK, PANDU UBER**



Tuduhan itu saya lihat bersifat hasutan, tidak adil, malah boleh mencetuskan kekeliruan dalam kalangan orang ramai”

**Chandrakumanan,**  
Penganalisis politik



Kalau dilihat dari segi positif, ia membuktikan ada peluang ekonomi yang baik dalam apa yang dilakukan graduan”

**Madeline Berma,**  
Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM

---

## ‘Tuduhan bersifat hasutan’

BH - 20/1/2018 p. 6

→ **Dr Mahathir tak patut perlekeh kerja graduan elak menganggur**

**Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof**  
afzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan perkembangan graduan menjual nasi lemak atau menjadi pemandu perkhidmatan e-hailing seperti Uber sebagai memalukan negara, adalah tidak adil dan boleh mengelirukan rakyat.

Penganalisis politik, Datuk A Chandrakumanan, berkata apa pun jenis pekerjaan yang dilakukan, ia adalah pilihan individu yang tidak sepatutnya dipersoalkan oleh sesiapa pun.

“Tuduhan itu saya lihat bersifat hasutan, juga tidak adil, malah boleh mencetuskan kekeliruan dalam kalangan orang ramai. Sama ada jual nasi lemak atau pemandu Uber atau apa pun kerja, itu pilihan individu.

“Beliau tidak seharusnya memandang rendah pilihan pekerjaan orang lain, asalkan ia berupaya menjana ekonomi kepada mereka,” katanya semalam.

Chandrakumanan yang juga Presiden Pertubuhan Pusat Aduan Rakyat (PAR), berkata pada kegawatan ekonomi sekitar 1980-an ketika kerajaan diterajui Dr Mahathir, beliau sendiri turut melakukan dua kerja untuk menampung hidup, bukan mencari salah pemimpin semata-mata.

“Dr Mahathir hanya cuba cari buruk kerajaan. Kenyataan itu tidak seharusnya keluar daripada mulut bekas Perdana Menteri. Kalau betul mahu jadi hero pembangkang, nyatakan apa boleh dilakukan untuk membangunkan ekonomi negara, bukan lempar tuduhan melu- lu,” katanya.

Dr Mahathir menerusi sesi soal jawab video di Facebook baru-baru ini, menegaskan tiada apa perlu dibanggakan jika lulusan universiti menjual nasi lemak dan pemandu Uber sebagai punca rezeki, malah menyifatkan perkembangan itu sebagai memalukan negara.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu juga mendakwa, pekerjaan dilakukan graduan seperti itu menunjukkan kurangnya kerja berpendapatan tinggi dan tiada peluang sesuai, bukan kerana berkembangnya semangat keusahawanan.

**Kurangkan pengangguran**

Chandrakumanan berkata, secara realitinya kadar pengangguran di negara ini hanyalah 3.35 peratus berbanding 1980-an sebanyak 4.5 peratus ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, jelas membuktikan kerajaan berusaha menurunkan angka berkenaan.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Madeline Berma, berkata jenis pekerjaan dilakukan graduan tiada kena mengena dengan kerajaan.

“Kalau dilihat dari segi positif, ia membuktikan ada peluang ekonomi yang baik dalam apa yang dilakukan graduan, menunjukkan mereka berkebolehan untuk menjana pendapatan menerusi ilmu keusahawanan yang dipelajari di universiti.

“Saya percaya sumber pendapatan seperti itu bersifat sementara sebelum mereka dapat kerja tetap. Menerusi perniagaan atau sektor perkhidmatan juga, ia dapat membina nilai murni dalam diri mereka termasuk kemahiran berkomunikasi dan pengurusan masa,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, graduan perubatan Royal College of Surgeon Ireland (RCSI), Ahmad Arifuddin Ahmad Adam, 24, berkata ada pelbagai sebab graduan memilih menjadi pemandu kenderaan e-hailing atau melakukan sebarang kerja sebagai sumber pendapatan.